

Keratan Novel

Menunggang Puncak Gelora

Azmah Nordin

Bab Tiga

Semoga Motel Anggerik baik-baik saja, biarpun di sana sini di seluruh daerah Kinarut, sudah dikhabarkan mengalami banjir kilat, doa hatinya, dipagut kebimbangan.

Langsung dipandunya kenderaan pacuan empat rodanya memasuki kawasan berpagar Motel Anggerik yang dibina di atas tambakan tanah tinggi, bersebelahan kawasan paya bakau, berhampiran dengan muara Sungai Kinarut. Angin terus menderu resah, seresah beberapa orang yang kelihatan bergegas menyongsong angin untuk berulang alik di antara lobi Motel Anggerik atau Restoran Anggerik di sebelahnya, atau ke kenderaan yang tersadai di perkarangan bangunan motel itu. Seresah dirinya tatkala membawa kenderaan pacuan empat roda itu berhenti di sisi jalan, bersebelahan dengan bangunan motel yang dihiasi dengan pohon-pohon cemara tukang.

“Aku rindu padamu, Ibu...” bisiknya sendiri, tanpa sedar.

Sambil membelai perutnya, dia mengeluh resah. Sedar amat betapa dia sepatutnya tidak membiarkan pandangannya mengulit kemendungan dan kedinginan cuaca persekitaran di sekitarnya yang hanya memendungkan kembali suasana hatinya saja nanti. Ah, seharusnya pintasan kerut-merut yang membayang di seputar matanya yang redup itu, dilentur-lentutkan - jika pun tidak lagi boleh melicinkannya seperti waktu awal remajanya dulu. Begitulah yang sepatutnya dilakukan; bukan sebaliknya dengan nafas yang tersengal-sengal itu, dia menjenguk pula ke arah perahu-perahu yang sesekali merentasi permukaan Sungai Kinarut yang berarus deras itu. Bukan!

Sekarang, apa yang berlaku? Gerutu hatinya. Sekali pandang, dia seperti sudah dapat melihat sesusuk tubuh lelaki gendut pendek yang berbaju T dan berseluar jeans lusuh itu, bak wanita hamil enam bulan atau macam tubuh si Bapak Beruang Madu itu, terjenguk-jenguk ke arahnya dari perahu berenjin sangkut itu. Bukankah ia akan hanya seperti menjemput pelbagai godaan dalam bentuk gambaran yang saling menujuh di kepalanya, berbaur dengan rasa rendah diri dan rasa benci pada kelemahan diri sendiri, menyelinap ke salur nadinya untuk bersatu dalam adanya yang bergelombang tidak keruan?

Tanpa berlengah, Comel mematikan enjin kereta dan mencapai tas tangan dari tempat duduk di bahagian belakang kereta Kancil Nek Maimun itu. Begitu dia menegakkan tubuhnya di sisi luar kereta kancilnya, sepantas kerdipan kelopak matanya, gambaran Hotel Menara yang setinggi tiga puluh tingkat itu, menerjah tiba. Dia tersendu keharuan tiba-tiba. Ternyata, reputasi Hotel Menara yang dihiasi pelbagai spesis pohon perhiasan itu, begitu mudah menjadi layu, lalu berguguranlah segala wibawa, maruah, prestij dan nama baiknya, satu persatu. Hotel Menara jelasnya tidak memerlukan bencana alam semula jadi dalam bentuk apa pun, untuk membuatkan tempahan kamar hotelnya menyusut ke tahap paling kritikal dalam sejarah perhotelan negara, seperti yang pernah tersiar lewat laporan kewangan tahunan Menara Organisasi dulu.

Tidak perlu! Kepimpinan si Bapak Beruang Madu yang *super hyper* aktif mengendalikan aktiviti di *Presiden Suite* 1001 Malam, sudah memadai. Si Bapak Beruang Madu memang begitu sifatnya. Dia suka berlagak seolah-olah hotel yang dilengkapi restoran berputar di puncak

bangunannya, dengan ruang persidangan yang mampu memuatkan 1000 orang, lengkap dengan pusat niaga, memiliki layanan setiausaha dan peranti komputer serta perkhidmatan wi-fi itu, dengan surau lelaki dan wanita bersebelahan letaknya, dengan kolam mandi dan gym yang dilengkapi jurulatihnya itu adalah milik mutlaknyanya. Dia fikir dia boleh sewenang-wenangnya melakukan apa saja, selepas meninggalnya Ayah (bapa angkat Comel). Kemudiannya, tanpa disedari, tiba-tiba semua karyawan dan para tetamu hotel Menara terpinga-pinga apabila hotel itu turut menjadi 'impian tercapai' bagi para pemandu teksi sah dan teksi sapu.

Betapa tidak. Setiap malam Sabtu dari jam 8:00 hingga ke jam 5:00 subuh Isnin berikutnya, pasti akan ada teksi-teksi datang susul menyusul dengan kenderaan-kenderaan super mewah. Teksi dan kenderaan mewah itu membawa para ahli Kelab Cintawang yang setiap seorangnya berpenampilan bersesuaian dengan status masing-masing ke lobi Hotel Menara, untuk diiringi oleh konco-konco si Bapak Beruang Madu yang sedia menanti.

Setiap ahli, khabarnya, disyaratkan menggunakan nama seperti kucing hutan, orang utan, harimau bintang, kambing gurun, memerang, beruang madu, gajah pigmy, ular sawa, musang berjanggut, badak sumatra, beruang madu (untuk Awang Besar dan si Bapak Beruang Madu adalah gelaran yang Comel berikan kepadanya) dan sebagainya bagi menjaga dan melindungi imej mereka. Lebih-lebih lagi memandangkan mereka terdiri daripada orang-orang berpengaruh dan orang-orang kenamaan dari dalam dan luar negara. Mereka boleh dilihat berleumpang masuk ke bangunan hotel yang setinggi tiga puluh sembilan tingkat, seluas 7,000 meter di atas puncak Bukit Kinarut yang seluas satu perpuluhan tujuh hektar itu, dengan penuh teruja.

Sungguhpun dibina dengan masukan cahaya yang menyaringnya lewat kekisi dan seharusnya mampu menimbulkan efek bayangan menarik, hotel itu ternyata gagal mencerah-jernihkan kesugulan air muka pada wajah kebanyakan ahli-ahli Kelab Cintawang yang diiringi pulang ke teksi yang setia menunggu atau kenderaan mewah masing-masing di luar bangunan hotel. Andai ada yang sampai tercetus keinginan untuk mengakhiri hayat yang tiba-tiba sudah tidak bernilai walau satu sen pun itu lagi, silakan. Ada Sungai Kinarut di kaki bukit ini dan anda bukanlah orang pertama memikirkan untuk mengambil tindakan yang sama, pastinya.

Sayang. Apabila semakin ramai orang kampung menjual tanah sekitar Kinarut, semakin berkembang pesat pembangunan di kawasan sekitar kaki bukit, dan semakin mengecut-bengkokkan pula kepiawaian Hotel Menara, setelah Ayah meninggal diserang sakit jantung kali ketiga, secara mengejut. Terkejut oleh kekalahan teruk parti politik yang dianggotainya, dalam pilihanraya Malaysia pada ketika itu. Padahal, waktu itu, belum sempat pun Ayah menyaksikan bagaimana Comel menaiki pentas untuk menerima Anugerah Perhotelan Antarabangsa, daripada Syeikh Abdul Amarul Hidir, pemilik rangkaian Hotel Hidir, hotel yang terkemuka di peringkat antarabangsa. Diterima bagi pihak kelompok eksekutif Hotel Menara yang diketuainya. Ayah juga tidak sempat menyaksikan bagaimana dia diseret dan ditendang keluar dari Hotel Menara dengan sesadis-sadisnya itu.

"Kata orang, mencampuri urusan niaga dengan nikmat, bukan suatu dosa lagi, Comel yang comel sangat..." Dengan senyuman mengulum sinis, Awang Besar *alias* Beruang Madu itu pernah mengujarkannya begitu secara berseloroh, beberapa bulan selepas Ayah meninggal.

"Macam bercakap melalui pengalaman peribadi sendiri saja itu!" Tingkah Comel, menarik muka masam dan dalam hati dia mendesis sinis; dasar si Bapak Beruang Madu!

"Ala, tak terbuka betullah Cik Comelku seorang ini!"

Hisy sudahlah! Kenapa harus kudera diri sendiri dengan ingatan-ingatan silam seperti itu, gerutu hati Comel, cuba menghalau suara-suara sinis dari masa silam, daripada menyusuk

kewarasannya. Yang pasti, biar apa pun berlaku, si Bapak Beruang Madu memang suka berlagak macam tercedera egonya, masih cukup kuat untuk terus berpura-pura tidak mahu mengerti. Padahal, bukan barang rahsia lagi bahawa si Bapak Beruang Madu itu enggan membiarkan Comel hidup tenang atau tidak tenang kalau Comel hidup senang. Tanpa lelah, si Bapak Beruang Madu itu tidak henti-henti mencari ilham, untuk mencengkam kelangsungan hidup Comel. Sekali gus menafikan hak Comel untuk menikmati suatu kebebasan yang mulak.

Comel mengejapkan tekanan giginya atas bawah. Seluruh perasaan bergelojak dalam gambaran episod demi episod panjang yang terpampang kembali di mata fikirnya.

Semacam kesebakan bertumpang tindih dalam benaknya, diterpai episod bagaimana dirinya diseret turun naik ke mahkamah. Bagaimana Zaiton membuka silat di mahkamah dulu. Bagaimana tikaman Zaiton bagaikan hanya berjaya menggoreskan selaput kulit luar Awang Besar yang suka bertukar kulit macam reptilia yang bergerak secara merayap itu, bagaikan saja. Zaiton bingkas bangun dan membuka silatnya balik dan serangan balas Zaiton bagi pihaknya, ternyata telah memaksa lelaki itu menukar cara gaya pengurusan perniagaannya di Hotel Menara Kinarut, biarpun tidak berupaya membuatkan lelaki itu menjualkannya bahagian syer yang dikuasainya kepada Comel ataupun kepada orang ketiga dan begitulah sebaliknya. Tapi tidak kisahlah. Yang penting, Zaiton tidak pernah menyerah kalah. Lantas teringat Comel pada info tentang buah zaitun yang terbaik isinya adalah yang datangnya daripada Greece. Ternyata silap info itu. Zaiton terbaik adalah daripada Malaysia!

Begitupun, si Bapak Beruang Madu itu juga tidak pernah mahu menyerah kalah dan sentiasa berlagak seperti lelaki budiman. Dan, ekoran dari serangan rasmi yang tidak rasmi si Bapak Beruang Madu yang memulakan cakaran demi cakarannya secara peribadi atau melalui Angel Baruntung, yang dimulakan oleh Comel melalui Zaiton, peguam barunya yang dihubungi lewat telefon dan kemudiannya buat pertama kali ditemui di pejabat guaman Kota Kinabalu itu. Lantas, serangan balas bagi pihak si Bapak Beruang Madu itu pun menyusul tiba. Ternyata, dalam pergelutan dengan si Bapak Beruang Madu itu, lama-kelamaan terasa pihaknya seakan kehilangan upaya untuk membentur cakaran demi cakaran daripada pihak si Bapak Beruang Madu yang bersusun jari peguam-peguam terkenal upahan yang semuanya didatangkan dari negara berhawa itu, di ruang sidang mahkamah dulu.

Mahkamah yang menyaksikan satu-satunya drama *face to face* dalam penggomolan perundangan paling sengit, dalam sesi soal jawab yang mengaut masa lebih 27 jam dalam masa lima hari. Drama yang menjadi bahan liputan pelbagai pihak media massa sekali gus meraup keuntungan atas kedukaan peribadinya. Di sepanjang duduk membungkam mulut di ruang sidang mahkamah, terasa dirinya bak terpanggang oleh bara api ciptaan si Bapak Beruang Madu itu, terus-terusan. Seperti kulit tubuh manusia yang mengalami risiko akibat terpaan bakteria ataupun panahan cahaya matahari, jiwanya juga seakan turut diancam menjadi kering, kusam dan berkeriput. Terasa amat betapa kulit kehidupannya yang bak terpanggang dek bara api itu juga mengalami kerosakan teruk akibat terpaan banyak bakteria berupa kata-kata berunsur penghinaan daripada si Bapak Beruang Madu yang keluar dari mulut peguam belanya.

Seperti minyak zaitun yang perlu dioles pada kulit untuk melindungi, mencegah dan merawat kulit yang bermasalah, butir hujah-hujah Zaiton bagi pihaknya, membuatkan kulit kehidupan Comel terasa kembali boleh bernafas, lebih segar, kencang, halus dan lembut. Zaiton langsung menyudahkan hujahnya yang Comel tahu dan yakin sebagai bukti balas yang tidak terbantah. Tiba-tiba, dengan pantas peguam bela bagi pihak Awang Besar itu menyanggah dengan serangan-serangan yang tidak kurang cerdik, ulet dan sengit yang acap menyentak pernafasan Comel.

Ya, Rabbi, alangkah terhimpitnya, rintih hati Comel, kepedihan. Terasa amat betapa pihaknya yang diwakili oleh Zaiton dan Benson Tiong, seperti kehabisan perkubuan, dan tidak dapat menangkis lagi. Itu belum termasuk lagi soal siasat daripada para peguam yang mewakili Menara Organisasi sendiri. Alangkah! Yang jelas, penyelesaian yang saksama bagi kes Comel lwn. Awang Besar, si Bapak Beruang Madu itu, seperti sengaja ditangguh-tangguh hingga menelan masa berlanjutan panjang, hingga Comel bagaikan kehilangan daya tahan sendiri. Dan ketika penggomolan di ruang persidangan itu masih berlangsung hangat, kekecohan berlaku di *Presiden Suite 1001 Malam*, di Hotel Menara. Segala-galanya berubah. Hancur!

Irama paluan kulintangan dan gabbang yang dimainkan oleh kumpulan Anak Seni Kinarut dari pentas kecil di Restoran Anggerik yang bersebelahan dengan motel itu, memotong esakan kecil Comel dan lalu menyentakannya ke alam nyata, di tempat letak kereta itu. Dia yang masih tercegat di sisi kenderaan empat rodanya itu, tersendu kepiluan. Sejurus, dijenguknya Aisha, melalui kaca jendela Motel Anggerik yang berukir indah itu. Ternyata, Aisha, pengurus siang Motel Anggerik masih sibuk menyemak senarai tetamu hotel dan sesekali melayan para tetamu yang menjengahai kaunter penyambut tetamu itu, di sisi Flora Majamin, penolong pengurus siang yang muda rupawan berasal dari Kota Marudu itu. Dari belakang kaunter penyambut tetamu itu, mereka kelihatan sentiasa menguntum senyuman mesra buat setiap para tetamu yang lalu lalang melalui pintu yang menghunung antara restoran dengan lobi motel itu. Tersenyum mesra, walaupun mungkin kedua-duanya turut resah menunggu giliran syif mereka berakhir, tidak beberapa minit saja lagi itu.

Comel juga kembali berasa tertekan dengan situasi yang tidak dimengertikan. Kurang pasti pula tekanan itu berpunca daripada panggilan telefon daripada Juhari tentang sepasang suami isteri yang diharapkan dapat menginap di Motel Anggerik, sedangkan semua kamar motel itu sudah penuh. Atau oleh penunggang motorsikal usang yang seakan mirip sekali dengan si Bapak Beruang Madu itu tadi. Atau ingatannya terhadap Ayah yang mengimpikan sebuah hotel di atas tapak tanah rumah inap Menara Bonda di puncak Bukit Kinarut itu. Sungguh dia tidak mengerti mengapa dia harus berasa tertekan amat begitu. Seolah-olah ada sesuatu yang buruk akan berlaku, sesuatu yang menakutkan. Dalam keadaan resah gelisah itu, dia lalu mengarahkan pandangannya ke jarum jam di pergelangan tangannya.

Oh! Hampir jam 4:50! Getus hatinya, rusuh. Tanpa berlengah lagi, dia segera mengunci pintu kereta kancilnya, untuk segera ke ruang lobi motel itu. Biar apa pun perasaannya, sebaik melangkah masuk ke ruang lobi untuk mengambil alih tugas daripada Aisha nanti, dia tidak akan membiarkan ia mewabak ke riak mukanya. Dia perlu bersikap seprofesional mungkin demi ketenteraman dan keselesaan para tetamu motel itu. Para tetamu tidak perlu menanggapi pengurus motel itu lebih daripada seorang karyawan hotel.

“Para tetamu hotel tidak perlu tahu apa-apa tentang kita, selain bersedia untuk berkhidmat untuk mereka.” Dia pernah mengujarkannya begitu kepada karyawan Hotel Menara, suatu ketika dahulu. Tegasnya, tetamu tidak perlu beranggapan bahawa seseorang karyawan itu juga adalah manusia biasa yang punya muzik atau makanan kegemaran, punya latar keluarga atau masalah peribadi dan sebagainya. Riak muka seorang pengurus dan setiap karyawan motel itu mesti sentiasa dicerah-criakan dan jangan sekali-kali sampai boleh dibaca apa yang tersirat tapi tidak tersirat pada sinar matanya. Sekurangnyanya, itulah antara peraturan yang ditetapkan sendiri oleh Comel untuk setiap karyawan Hotel Menara itu dulu, lama dulu. Profesional. Untuk itu, dia perlu menghubungi Juhari dan mengingatkan tentang kamar-kamar Motel Anggerik yang sudah dipenuhi oleh para tetamu yang membuat tempahan jauh lebih awal sebelumnya.

Lantas, sambil menggapuk perut dengan sebelah tangan, Comel menghayunkan langkah

ke gerbang pintu Motel Anggerik. Entah mengapa, semakin langkahnya menghampiri gerbang pintu motel itu, semakin terasa setiap mililiter di setiap liang lekuk tubuhnya yang setinggi Angel Baruntung, tapi seberat 70 kilogram itu menggelepar dan membahang panas lagi. Terasa dia bagaikan terjebak terus dalam lingkaran muntahan dari lahar gunung berapi yang mendidih membuak-buak. Membungkus batin, rongga pernafasan dan fikirannya. Dalam masa yang sama, gambaran si Bapak Beruang Madu, Mak Cik Datin, Angel Baruntung, serta perkhabaran tentang kekecohan yang berlaku di Hotel Menara dan diekori pula oleh kekecohan di rumah Nek Maimun kemudiannya, bersimpang-siur membayang di ruang mata. Langsung membuatkan kelopak mata dan hatinya, ditakungi air jernih.

“Jika engkau mengharapkan sebarang perpindahan wang dalam tuntutan penyelesaian ini, engkau perlu bayar dengan mahal sekali!” Suara Loe Lim, penguamnya yang terdahulu, terngiang-ngiang kembali dalam ingatannya.

Comel yang terengah-rengah menghela nafas seperti ada bara api yang menyemarak tinggi memanggangnya itu, nyaris terkeriau oleh kekesalan, dihentam badai jungkir balik dan lipatan gelombang arus deras dalam dada yang lalu menanjak ke benaknya. Semacam kebencian pada diri sendiri yang bertaraf tidak lebih daripada anak angkat yang boleh diangkat dan dibuang oleh keluarga angkat semahunya. Hakikat itu terasa kian memberat-tambahkan perasaan rendah dirinya. Hampir semua orang dapat melihat bagaimana beberapa bulan selepas Ayah meninggal, dengan nekadnya si Bapak Beruang Madu itu bertindak dengan lebih drastik. Mewujudkan Kelab Cintawang, memecah-gabungkan dua buah presiden suite dengan peribadi arwah Ayah, untuk menjadi satu; *Presiden Suite 1001 Malam*, sekali gus menaik-tarafkan segala aktiviti rekreasi di dalamnya. Langsung diwujudkan *presiden suite* yang serupa di setiap lantai hotel itu, kecuali di bahagian Menara Organisasi yang terletak dilantai 39 Hotel Menara itu.

Semua tindakan yang serba sulit itu, si Bapak Beruang Madu itu lakukan tanpa memaklumkan, apatah lagi berbincang tentang kewajarannya dengan Comel atau para eksekutif Menara Organisasi. Impian, terlebih dahulu. Dan sepanjang tiga tahun berikutnya, rasa terpanggang itu pun semakin menjadi-jadi pada sekujur tubuh dan jiwa Comel. Perbalahan demi perbalahan yang menegangkan antara mereka berdua, menyaksikan bagaimana Mak Cik Datin akan menonong datang membela anak kesayangannya, si Bapak Beruang Madu. Langsung, pada penghujung tahun ketiganya, seluruh dunia dalam industri perhotelan dapat menyaksikan bagaimana Comel - atas arahan kedua beranak itu tentunya, diseret dan ditendang keluar daripada Menara Organisasi.

Ibu, maafkan aku kerana gagal mempertahankan tanah ibu di puncak Bukit Kinarut itu. Maafkan aku...! Rintih hatinya, kepiluan.

Dalam masa yang sama, suara Leo Lim, peguam terdahulunya yang maha angkuh itu kedengaran bagaikan dengungan puisi rakyat Bubu Mengalai, sekali gus seperti mengandungi nada sinis, ngilu, perit dan mencabar kewanitaannya, di otaknya. Dan terus berbaur dengan irama musik daripada paluan kulintangan serta gabbang dari arah pentas kecil Restoran Anggerik yang bersebelahan dengan Motel Anggerik itu. Semakin lama semakin rancak. Menikam gegendang telinganya. Menjerumuskan kebingungannya, menujuh ke tahap paling tinggi, dalam suasana menjelang senja yang semakin mengelam-seram-dinginkan semangatnya.

Dengan kerusuhan yang tiada taranya, Comel menolak daun pintu kaca ruang lobi Motel Anggerik lalu diterpai udara dari alat penghawa dingin yang ternyata gagal menyejukkan rasa terpanggangnya itu. Sebelum melangkah masuk, sempat dia menoleh dan memerhatikan angin yang kian berpusaran resah di perkarangan Motel Anggerik dan kawasan sekitarnya. Mujur,

masih tidak kelihatan kelibat kenderaan pacuan empat roda milik majikannya yang menjemput Juhari ke tebing muara sungai, awal pagi tadi. Hanya kereta Juhari yang tersadai di tepi jalan, berhampiran dengan lobi motel itu. Tapi yang kelihatan adalah gambaran kelibat lelaki yang seakan mirip sekali dengan si Bapak Beruang Madu itu, di ruang matanya. Lantas, bagaikan benar-benar diburu oleh seekor beruang madu, dia segera melangkah masuk ke lobi motel menuju ke kaunter penyambut tetamunya.

“Assalamualaikum Aisha... Salam sejahtera Flora... bilang Cliff dah sampai, mana dia?” Tegur Comel yang tersedia dengan senyuman mesranya itu. Dia lalu memasuki pejabat untuk muncul bahagian belakang kaunter penyambut tetamu yang terletak di antara dua kabinet kaca yang dipenuhi patung mini yang memperagakan pakaian tradisional berwarna-warni masyarakat tempatan itu.

“Ke bilik air, kak,” getus Aisha, selepas dia dan Flora menyambut ucapan salamnya.

Sejurus, bagaikan tidak tertangguhkan lagi, Aisha dan Flora bergegas bergegas pulang ke rumah masing-masing.. Comel yang sudah menunaikan solat Asar di rumah Nek Maimun tadi, membatalkan niatnya untuk ke kamar peribadi pengurus yang berhampiran dengan Restoran Anggerik itu. Lantas, dengan fikiran yang bertumpang tindih dengan pelbagai persoalan yang meleemaskannya itu, dia memulakan tugasnya sebagai pengurus malam Motel Anggerik. Kecuali seorang dua tetamu hotel yang lalu lalang antara kamar mereka ke Restoran Anggerik yang dihadiahkan dengan teguran dan senyuman mesra, suasana ruang lobi Motel Anggerik berhawa dingin itu agak lengang dan sepi. Sementara melalui kata pincu pejabat di bahagian belakang kaunter penyambut tetamu, dapat dilihat Cliff, penolongpengurus motel muda lagi tampan itu berkemeja warna lembut dan berseluar coklat gelap, baru sampai dan terus duduk menekuni kerja-kerja pejabatnya.

Sejurus, sedang Comel mula menyemak senarai tetamu-tetamu hotel, tiba-tiba sekali lagi terasa suasana seperti begitu ramai, di ruang lobi itu pula di antara irama dari paluan kulintangan dan gabbang dari arah pentas kecil di Restoran Anggerik, dengan deru angin resah di luar sana dan desah angin daripada alat penghawa dingin di ruang lobi motel, jauh di dalam benaknya, terdengar lagi suara-suara asing yang berdengung-dengung dalam otaknya, menyanyikan lagu puisi rakyat *Bubu Mengalai*, sama seperti yang disaksikan dan didengari di kampung Awang Besar, untuk meraikan majlis pertunangan antara dia dan si Bapak Beruang Madu (yang disodor-paksa-jodohkan ke atasnya oleh Ayah itu), sayup-sayup di gegandang telinganya. Menusuk jiwanya. Membara-panggangkan hatinya. Dia lalu memejamkan matanya rapat-rapat, cuba menghayati lagu puisi rakyat yang kini bergemuruh agresif di benaknya itu; harmonis yang utuh.

Tak bamba ya lukah

Tetak bambu ibasari

Nafasnya sesak. Dadanya sebak. Begitu dia menundukkan kepala, jiwanya tiba-tiba kembali meronta-ronta seperti masih berada dalam kemelut silam yang mengharukan. Dichelikkan matanya. Dengan kelopak mata yang bergetar, dalam rasa marah dan kesedihan yang amat pedih itu, Comel menggeleng kasar, sekali gus mencuba memalingkan kepalanya daripada seni kata lagu puisi rakyat itu. Namun dia gagal. Sebaliknya, kenangan silam yang sepanas bara di alat pemanggang juga itu, menonong tiba, dengan pantas!

“*Stagnant?* Maksud engkau, keuntungan Hotel Menara bertakung? Kenapa aku pula yang dituduh sebagai puncanya?” Suara si Bapak Beruang Madu terdengar serak, sebak campur berang. “Aku sudah buat segalanya semampu mungkin, supaya tim Menara Organisasi termotivasi, tahu? Jadi, jangan tuduh sembarangan, okay!”

“Aku bukan menuduh, Awang!”

“Jadi, apa semua ini?”

“Takkanlah engkau sendiri tidak sedar? Berapa ramai pelanggan tetap hotel kita mahupun dari dalam dan luar negara Hotel Menara, sudah lari kepada hotel pesaing kita? Memalukan negara lagi. Kalau terus-terusan begini, boleh lingkup terus hotel ini!” Tingkah Comel, mengingati setiap butiran informasi yang pernah disampaikan oleh ramai karyawan Hotel Menara melalui kelompok para eksekutif kepadanya. Laporan terperinci tentang kisah di *presiden suite* peribadi milik si Bapak Beruang Madu yang juga menjadi buah bibir para karyawan hotel itu, mengejutkannya. Aktiviti para ahli Kelab Cintawang di presiden kamar yang serba sulit lagi elit dan sering berpindah randah lokasinya itu, membakar kesabarannya. Semuanya bagaikan belahan gergaji bermata ganda di tempat yang sama - sehingga bagaikan tidak tertangkis lagi. Dan hampir mengakibatkan Comel seperti kehilangan keseimbangan kewarasan sendiri.

“Satu pergi, sepuluh datang.. yang lebih berpengaruh lagi ternama lagi kaya raya lagi. Dan, apa pula harus memalukan negara? Apa pula ada kaitan dengan negara segalanya?” Tingkah Awang Besar, mendingin beku bak si bapak beruang kutub yang berhadapan dengan mangsanya.

“Berpura-pura tidak faham itu, bukan?” Pintas Comel, membara terus. Namun, oleh kerana enggan menambah tegangkan suasana di pejabat si Bapak Beruang Madu itu, dia melembutkan nada suaranya, “Awang bah... aku bukan sengaja mahu buat engkau bertambah stress. Tapi rasanya lebih baik jika dihentikan aktiviti di Kelab Cintawang kamu itu, serta-merta, buat sementara waktu.. kalau boleh dihentikan terus, lagi baik. Begitu juga dengan urusan kamu dengan Angel Baruntung itu, elok putuskan. Berbahaya buat”

“Eh? Isteriku dan Uncle Bobby Baruntung sendiri tidak komen apa-apa tentang itu, yang engkau pula pergi melebihi-lebih mahu menghalang hubungan kami, buat apa?” Potong Awang Besar, memberang, juga jelas terkejut apabila Comel menyebut tentang Kelab Cintawang yang serba sulit itu. Namun, ternyata dia tidak mahu kalah. Lalu, sebelum bergegas pergi, dia segera mengawal nada suaranya dan menambah, “Comel, sudahlah. Jangan bekerja jauh lebih keras daripada kelompok kerja engkau itu, kerana, inilah akibatnya; tekanan yang tidak kenal tempat!”

Huh! Dasar si Bapak Beruang Madu! Dengus hatinya, seraya menggenggam peninjunya. Sebelum sempat majlis pertunangan itu berlangsung di rumah kampung Ayah, tiba-tiba Ayah diserang sakit jantung akibat kekalahan teruk partinya dalam pilihanraya Malaysia pada ketika itu. Mujur kerana tidak jadi bertunang dengan si Bapak Beruang Madu itu. Malang, Ayah harus meninggal dalam keadaan patah hati begitu.